

10/08/1999

3,000 petani bakal sertai sidang Agex 99

KUALA LUMPUR, Isnin - Persidangan dan Ekspo Pertanian Asia 1999 (Agex 99) akhir bulan ini, bakal menyaksikan penyertaan 30,000 petani dari seluruh negara dan antarabangsa, sekali gus menjadikannya antara acara pertanian terbesar di dunia.

Pengerusi jawatankuasa penganjur Agex 99, Prof Mohd Yusof Hussein, berkata ekspo enam hari diadakan di Stadium Putra di Bukit Jalil, manakala Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menjadi tumpuan persidangan tiga hari.

Kedua-dua program berkenaan bermula 26 Ogos ini.

Beliau berkata, Agex 99 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan pelancaran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Stadium Putra.

"Konvensyen itu meletakkan sasaran memberi laluan, sinergi dan menggerakkan pelaburan asing selain meningkatkan pemindahan teknologi antara masyarakat pertanian Asia," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Prof Mohd Yusof berkata, ekspo dan persidangan itu akan memberi perhatian terhadap pelbagai isu dan cabaran dihadapi sektor pertanian Asia pada alaf baru, selain mengkaji kaedah pertanian mapan.

Untuk itu, beliau berkata sebanyak lima belas topik utama berhubung kegiatan pertanian termasuk pertanian pesisir, akuakultur, pengeluaran ternakan dan perdagangan elektronik akan dibincangkan.

"Sebanyak 12 pakar dari Britain, Taiwan, India, Costa Rica, Cuba, Malaysia dan Amerika Syarikat akan membentangkan pelbagai kertas kerja mengenai pelbagai kemajuan dalam bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata, Agex 99 akan menonjolkan segmen ekspo yang bakal menyaksikan 100,000 pengunjung walaupun penganjur mengenakan bayaran RM3 seorang. Di samping itu, lebih 200 syarikat dari 35 negara akan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka pada ekspo itu.

Acara enam hari itu dianjurkan bersama oleh Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Malaysian Travel Business Sdn Bhd dan Happening Events Sdn Bhd.

(END)